

▼08/08/18-58MST

CNS2334

R GB 08-08 00173 BA379

aab

(EMBARGO: Untuk siaran selepas 8 malam ini)

Mahathir - Asean

I

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Asean, yang berusia 25 tahun hari ini, telah dapat bercakap dengan satu suara untuk meningkatkan kedudukan dan pengaruh negara-negara anggotanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tetapi, beliau berkata, pertubuhan enam anggota itu perlu meluaskan asasnya untuk mewakili aspirasi semua negara di Asia Tenggara dalam menghadapi keadaan yang tidak menentu akibat perubahan persekitaran politik dan ekonomi.

+Biar apapun perbezaan yang memisahkan kita, ia tidak seharusnya dibiarkan untuk meracuni dan menanam bibit-bibit perpecahan,+ kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena ulangtahun ke-25 Asean menerusi TV2.

Beliau berkata penyertaan Vietnam dan Laos menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara merupakan satu perkembangan yang logik dalam semangat persahabatan yang sedia terjalin di rantau ini.

Dr Mahathir berkata semangat kerjasama dan perundingan Asean di kalangan negara-negara anggotanya -- Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Brunei dan Singapura -- perlu dikembangkan kepada semua negara di rantau ini. -- Lagi

▼08/08/18-48MST

CNS2555

R GB 08-08 00164 BA380

aab

Mahathir - Asean 2 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

+Pengalaman kita dalam Asean selama 25 tahun yang lampau memperkuatkan keseungguhan kita bahawa kerjasama dan perundingan di kalangan negara-negara berjiran bukan sahaja membantu ke arah membawa faedah bersama tetapi keupayaan mereka bercakap dengan satu suara juga meningkatkan kedudukan dan pengaruh mereka,+ katanya.

Beliau berkata negara-negara anggota seharusnya merasa bangga dengan banyak kejayaan yang dicapai oleh Asean pada peringkat serantau dan antarabangsa, memenuhi matlamat yang dicita-citakan oleh para pemimpin pengasasnya.

+Asean merupakan satu forum melaluinya perbincangan dan perundingan yang sering diadakan, boleh mempereratkan hubungan sesama kita sebagai negara jiran dalam mencapai pemuafakatan serantau yang abadi.

+Asean adalah satu saluran yang boleh menghasilkan satu kekuatan dan sumber yang terkumpul untuk meningkatkan kedudukan ekonomi dan mutu hidup rakyat kita,+ katanya.

Dr Mahathir berkata kepelbagaian aktiviti atas nama Asean mencerminkan perkembangan yang ketara dalam kerjasama yang memberi petanda baik bagi masa depan pertubuhan dan rantau ini. -- Bernama

▼08/08/18-50MST